

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022
PENGGAL PERTAMA

Salam sejahtera dan salam reformasi.

Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua DUN yang memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Sebelum melangkah lebih jauh, terlebih dahulu izinkan saya mendefinisikan beberapa kata kunci yang terdapat dalam teks Ucapan saya pada pagi ini. Masalah kebersihan. Contohnya, sampah tidak sapu, lori sampah tak masuk kawasan, tak nampak langsung pekerja yang bertanggungjawab, isu ini timbul pada setiap tahun sewaktu penukaran kontraktor, sebulan sebelum tamat kontrak, hilang semua pekerja dari Kawasan dan isu yang sering berlaku antara kalangan masyarakat adalah isu penyakit yang dibawa oleh tikus. Kenapakah perkara ini tetap berlaku pada setiap tahun? Apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini?

Langkah – Langkah untuk mengatasi masalah tersebut adalah;

1. Mengurangkan penggunaan bahan kimia - mendatangkan impak dalam jangka masa yang panjang kepada alam sekitar
2. Amalan kitar semula - kita boleh mengklasifikasikan bahan-bahan yang tidak diperlukan di dalam tong-tong kitar semula yang telah disediakan. Sebagai contoh, bahan buangan boleh diproseskan menjadi baja nutrien bagi menghindarkan pembaziran dan surat khabar boleh dijadikan sebagai tisu.
3. Penyakit yang dibawa oleh tikus - Tikus menyebarkan pelbagai jenis penyakit kepada manusia seperti hawar, tifus, jangkitan cacing, jangkitan virus dan bakteria.
4. Keadaan yang menggalakkan pembiakan tikus - Tikus membuat sarang dan membiak di tempat yang terdapat makanan dan tempat yang terlindung seperti di premis makanan, gudang, tempat pembuangan sampah, longkang dan dapur yang kotor.

Sebelum COVID-19, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pemberian insentif RM 20 kepada pengayuh beca setiap minggu untuk semua penerima yang berdaftar kira-kira 100 orang. Insentif tambahan sebanyak RM 20 turut diberikan sekiranya pengayuh beca berkenaan hadir empat minggu berturut-turut. Mereka berpeluang menerima purata pendapatan sebulan antara RM 600 hingga RM 1000 sebelum PKP. Selama empat minggu juga, aktiviti pelancongan terganggu bagaimana penarik beca boleh cari makan? Sepatutnya, kerajaan menerima sumbangan untuk penarik beca di Komtar untuk mendapat lebih sumbangan sepanjang tempoh PKP.

Keluarga adalah asas kepada mana-mana komuniti. Keluarga yang sihat dan selamat bukan sahaja penting untuk kesejahteraan ahli keluarga, tetapi juga untuk komuniti dan masyarakat umumnya. Oleh yang demikian, keganasan dalam keluarga bukan sahaja mengancam kesejahteraan keluarga tetapi juga mempunyai kesan negatif terhadap komuniti. Keganasan dalam keluarga adalah masalah global yang memberi kesan kepada berjuta-juta orang, terutamanya wanita dan kanak-kanak. Kesedaran dalam kalangan masyarakat semakin meningkat bahawa keganasan terhadap wanita, terutamanya keganasan rumah tangga, adalah isu kesihatan awam. Keganasan rumah tangga seringkali mengakibatkan kecederaan fizikal dan emosi, serta kematian. Kes penderaan kanak-kanak dan keganasan rumah tangga yang dilaporkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Keganasan rumah tangga ialah satu perbuatan penderaan atau penderaan yang dilakukan secara berturutan oleh seorang ahli keluarga terhadap ahli keluarga yang lain. Di Malaysia, walaupun kebanyakan mangsa keganasan rumah tangga (sebanyak 75%) adalah wanita, terdapat juga lelaki yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Manakala separuh lagi melibatkan ahli keluarga (lelaki atau wanita) yang didera oleh kebanyakannya ahli keluarga lelaki. Keganasan rumah tangga boleh berlaku melalui pelbagai cara, antaranya:

- Penderaan Fizikal - Memukul, menolak, menumbuk, menampar, menendang, melempar objek atau mencekik seseorang.
- Penderaan Emosi - Menggunakan kata-kata kesat untuk mengaibkan atau membuatkan seseorang itu berasa tidak bermaruah, secara terang-terangan.
- Pengasingan - Mengawal pergerakan atau menghalang seseorang daripada melawat, berjumpa, atau bercakap dengan ahli keluarga atau kawan.

- Ugutan - Mengugut untuk mencederakan, menculik atau mencederakan seseorang, anak-anak atau haiwan peliharaan keluarga, mengugut akan membunuh diri.
- Penderaan Ekonomi - Mengehadkan kebebasan atau jaminan kewangan seseorang termasuklah menahan atau enggan memberi wang secukupnya untuk perbelanjaan rumah tangga, atau merampas pendapatan seseorang.
- Menghendap - Mengganggu dan mengancam berulang kali, termasuk mengikut mangsa atau muncul di rumah atau di tempat kerja mangsa, membuat panggilan telefon yang mengganggu, meninggalkan pesanan suara atau menghantar mesej yang mengancam di media sosial, seperti melalui aplikasi WhatsApp.

Keganasan rumah tangga berlaku kerana ketidaksamaan antara lelaki dan wanita. Banyak yang masih mengamalkan pemikiran tradisional bahawa wanita tidak setaraf dengan lelaki. Ketika seseorang merasakan mereka lebih hebat atau tidak menghormati yang lain, itu adalah ketikanya keganasan berlaku di rumah. Walaubagaimanapun, kebanyakan mangsa tidak melaporkan keganasan rumah tangga mahupun berbincang secara terbuka tentang permasalahan yang berlaku dalam rumah tangga mereka. Apabila berurusan dengan mangsa keganasan rumah tangga, adalah penting untuk dipercayai mangsa, meyakinkan mereka dan menjelaskan kepada mereka tentang pilihan-pilihan yang ada untuk mereka. PDRM akan menjalankan siasatan secara teliti dan menyeluruh bagi memastikan suspek yang bertanggungjawab ditangkap.

1. Mangsa juga akan diberi khidmat nasihat dan kaunseling.
2. Mangsa dera akan diselamatkan dan dibawa ke hospital untuk pemeriksaan lanjut.
3. Kerajaan negeri melalui PDRM dan JKM komited dalam menyelesaikan dan membantu mangsa dera dalam kalangan kanak-kanak.

Oleh disebabkan kekangan masa, saya terpaksa mengakhiri ucapan saya pada hari ini. Konklusinya, saya ingin menegaskan bahawa membazir adalah amalan yang tidak baik dan akan mendatangkan kesan buruk kepada kita. Program Mutiara Foodbank yang dilaksanakan pada tahun 2017 dilihat mencapai objektif asas penubuhannya iaitu untuk menyelamatkan lebihan makanan dan membantu golongan yang kurang berkemampuan. Program ini juga telah mendapat sambutan daripada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di seluruh

negeri Pulau Pinang dengan mengagihkan bantuan hasil dari sumbangan pihak LOTUS. Sehingga kini, terdapat sebanyak 20 Kadun yang telah terlibat dengan pengagihan makanan melalui Program Mutiara Foodbank.

Sekian, terima kasih.

Yogassvnderi a/p Mahendran

N04 Permatang Berangan

Sidang Muda 2022 Penggal Pertama

